

# LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN (KESEDAR)



(Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah)

Pejabat Wilayah Jeli – Tanah Merah

## KENYATAAN TAWARAN KERJA UNDI

KERJA-KERJA UNDI BIL. 01/2024

WILAYAH JELI – TANAH MERAH

1. Tawaran adalah terbuka kepada **KONTRAKTOR-KONTRAKTOR YANG MEMPUNYAI GRED G1 kategori B01 (IBS – Sistem Konkrit Pasang Siap) dan kategori B28 (Kerja – Kerja Ubahsuai) yang beralamat di Jeli dan Tanah Merah** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dan **Gred, Kategori dan Pengkhususan** yang berkaitan dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera (STB)** serta **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang masih berkuatkuasa tempoh pendaftarannya adalah dipelawa untuk menyertai undian seperti berikut:-

Tajuk Kerja	Kepala/Sub-Kepala	Tempat, Tarikh dan Waktu Undian
<b>KERJA-KERJA MEMBINA DAN MENYIAPKAN TIGA (03) UNIT RUMAH DI BAWAH PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT TERMISKIN (PPRT) BINA BARU BAGI DAERAH JELI DAN TIGA (03) BAGI DAERAH TANAH MERAH, KELANTAN.</b>	<b>CIDB GRED: G1 &amp; KATEGORI: B PENGKHUSUSAN: B01 – IBS – SISTEM KONKRIT PASANG SIAP</b>	<b>Tempat: Dewan Pejabat KESEDAR Jeli/Tanah Merah  Tarikh: 03 Oktober 2024 (Khamis)  Masa Pendaftaran: 10.00 pagi – 11.00 pagi (SILA BAWA SALINAN DOKUMEN YANG LENGKAP SEPERTI DI LAMPIRAN)  Masa Cabutan Undi: 11.30 pagi  Taklimat Untuk Kontraktor Berjaya Akan Dilakukan Selepas Selesai Cabutan Undi</b>

**SYARAT-SYARAT PENYERTAAN KERJA UNDI**

2. Kontraktor (Pemilik Syarikat yang dinamakan) **DIWAJIBKAN** membawa dokumen asal dan salinan seperti dibawah semasa pendaftaran :
  - i. **Cop Rasmi Syarikat**
  - ii. **Salinan Kad Pengenalan**
  - iii. **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Maklumat Pemilik Perniagaan dan Maklumat Perniagaan**
  - iv. **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**
  - v. **Sijil Perakuan Pendaftaran oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)**
  - vi. **Sijil Taraf Bumiputera (PKK) oleh Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU); dan**
  - vii. **Penyata Akaun Bank**
3. **Kebenaran Khas (KK) CIDB TIDAK DIBENARKAN** menyertai kerja undi ini.
4. Kontraktor yang berdaftar di daerah yang berkenaan sahaja **LAYAK** menyertai kerja undi ini.
5. **Hanya Pemilik / Penama syarikat** sahaja **dibenarkan mengambil bahagian dalam kerja undian** tersebut. **Wakil / rakan kongsi kontraktor** yang namanya **tiada dalam pendaftaran CIDB** hanya **dibenarkan sekiranya mendapat kebenaran bertulis dari CIDB**.
6. Kontraktor yang **LEWAT** mendaftar **tidak akan dilayan**. Mana-mana kontraktor yang telah **berjaya** mendapat Projek PPRT dan **masih dalam** pelaksanaan adalah **tidak layak** untuk menyertai kerja-kerja undi ini.
7. Mana-mana kontraktor yang mempunyai rekod prestasi kerja tidak memuaskan **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyertai kerja-kerja undi ini. **(Rujuk Urusetia)**
8. Pejabat KESEDAR Wilayah Jeli – Tanah Merah tidak terikat dengan sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab atau alasan sesuatu pendaftaran undian ditolak.